

Kwasa Land pelawa 28 pemaju bida projek kediaman R3-1

Kwasa Land Sdn Bhd, pemaju induk Kwasa Damansara di Sungai Buloh, akan mempelawa 28 pemaju pra-kelayakan Peringkat 2 bagi membida projek kediaman R3-1 berpegangan bebas seluas 9.74 hektar di kawasan itu.

Pengarah Urusan Kwasa Land, Datuk Mohd Lotfy Mohd Noh, berkata jemputan mengemukakan permohonan dokumen tender Kebenaran Merancang (RFP) yang keenam itu adalah untuk melaksanakan pembangunan baharu di perbandaran itu.

Katanya, Plot R3-1 dicadangkan dimajukan sebagai pembangunan kediaman berkepadatan 780 unit berdepan Persiaran Atmosfera dengan rangkaian akses Kota Damansara terus ke Lebuhraya Koridor Guthrie.

"Pembangunan terletak berhampiran cadangan sekolah, masjid, kemudahan moden dan lot komersial yang cukup strategik untuk memberi faedah besar kepada pemaju harta tanah serta pembeli.

"Dua stesen MRT dalam pembangunan ini memberi lebih nilai tambah kerana terletak dalam jarak 500 meter dari stesen MRT Kwasa Damansara dan 750 meter dari stesen MRT Kwasa Sentral," katanya dalam satu kenyataannya di Kuala Lumpur, semalam.

RFP perlu diserahkan sebelum 17 Mei 2016 meliputi reka bentuk pembangunan dengan tema dan karakter yang istimewa yang boleh memupuk kebanggaan dan pemilikan di persekitaran kontemporari yang mampan.

66

*Dua stesen MRT
dalam
pembangunan
ini memberi
lebih nilai
tambah"*

**Mohd Lotfy
Mohd Noh,**
Pengarah Urusan
Kwasa Land